

LAPORAN TAKLIMAT PELAKSANAAN SUDUT KESIHATAN DI JPPM PERLIS TAHUN 2018

1.0 LATAR BELAKANG

Taklimat ini adalah anjuran Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Negeri Perlis.

Taklimat ini telah diadakan seperti ketetapan berikut :

Tarikh	:	28 FEBRUARI 2018 (RABU)
Masa	:	10.00 pagi hingga 12.00 tengahari
Tempat	:	Bilik Perdana, JPPM Negeri Perlis

2.0 TUJUAN

Taklimat ini dilaksanakan di bawah program Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) khusus kepada kakitangan JPPM Perlis. Taklimat ini dilaksanakan adalah untuk mendapatkan penerangan dan panduan daripada Pejabat Kesihatan dalam mewujudkan Sudut Kesihatan bagi memantau kesihatan kakitangan secara sendiri. Di samping itu, taklimat ini juga merupakan inisiatif Pejabat Kesihatan untuk memperkenalkan Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN Plus – Tempat Kerja) yang telah diwujudkan oleh Kementerian Kesihatan bagi memperkasakan jabatan kerajaan untuk melaksanakan aktiviti Amalan Cara Hidup Sihat di kalangan anggota-anggota di tempat kerja. Sehubungan itu, jabatan telah menjemput Pejabat Kesihatan Daerah Kangar, Perlis bagi menyampaikan taklimat berkenaan pelaksanaan sudut kesihatan dan bagaimana untuk mendapatkan peralatan-peralatan pemeriksaan sendiri, penggunaan peralatan serta cara pembuangan peralatan tersebut selepas digunakan. JPPM Perlis turut menjemput jabatan/agensi di Kompleks KDN Negeri Perlis untuk berkongsi ilmu dan pendapat berkenaan pelaksanaan sudut ini.

3.0 OBJEKTIF

- Mewujudkan kemahiran kakitangan di jabatan ini untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan sendiri, menganalisa keputusan dan bertindak berdasarkan keputusan tersebut tanpa perlu hadir ke hospital/ klinik.

LAPORAN TAKLIMAT PELAKSANAAN SUDUT KESIHATAN DI JPPM PERLIS TAHUN 2018

- Mendapat khidmat nasihat dan penerangan daripada pejabat kesihatan dalam mewujudkan sudut kesihatan agar bertepatan dengan piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.
- Dapat mempelajari kaedah menggunakan peralatan pemeriksaan kesihatan dan cara pembuangan peralatan tersebut dengan betul.
- Mewujudkan komunikasi dua hala dan merapatkan hubungan antara agensi-agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) Negeri Perlis.

4.0 PERTUBUHAN YANG DIJEMPUT

4.1 JEMPUTAN

Surat jemputan bertarikh 19 Februari 2018 telah dihantar kepada agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) Negeri Perlis di Kompleks KDN Negeri Perlis.

4.2 JUMLAH KEHADIRAN WAKIL TAKLIMAT DAN MAJLIS

Seramai 23 peserta terdiri daripada Pengarah JPPM Perlis, 9 kakitangan JPPM Perlis, dan 13 orang wakil agensi-agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) Negeri Perlis.

5.0 AKTIVITI YANG DIJALANKAN

- 5.1 Bhg 1– Taklimat Pengenalan Pelaksanaan Program KOSPEN PLUS sebagai sebuah program untuk memperkasakan jabatan kerajaan untuk melaksanakan aktiviti Amalan Cara Hidup Sihat di kalangan anggota-anggota di tempat kerja. Taklimat disampaikan oleh Dr. Husna Halimah Tajul Rahim. Pegawai Perubatan Pejabat Kesihatan Daerah Kangar Perlis.
- 5.2 Bhg 2 – Taklimat Pelaksanaan Sudut Kesihatan, dimana para peserta didedahkan cara-cara mewujudkan sudut kesihatan di jabatan mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Brosur serta peralatan untuk diletakkan pada sudut kesihatan telah disediakan. Taklimat disampaikan oleh Dr. Husna Halimah Tajul Rahim, Pegawai Perubatan Pejabat Kesihatan Daerah Kangar Perlis.

LAPORAN TAKLIMAT PELAKSANAAN SUDUT KESIHATAN DI JPPM PERLIS TAHUN 2018

- 5.3 Bhg 3 – Sesi Saringan Kesihatan Pekerja, dimana para peserta telah diajar cara-cara untuk membuat pemeriksaan kesihatan secara sendiri seperti ujian tekanan darah, ujian tahap gula dalam darah , BMI dan lain-lain. Peralatan pemeriksaan telah disediakan. Sesi saringan telah dikendalikan oleh Jururawat, Pejabat Kesihatan Daerah Kangar Perlis.

6.0 IMPAK/HASIL

- ✓ Taklimat ini telah berjaya memberi pendedahan kepada kakitangan di jabatan ini dan agensi di bawah KDN dalam membuat pemeriksaan kesihatan secara sendiri seperti ujian tekanan darah, diabetes, BMI dan lain-lain.
- ✓ Mengetahui cara-cara untuk mewujudkan sudut kesihatan di jabatan agar bertepatan dengan piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.
- ✓ Memperoleh pengetahuan tentang cara untuk mengesan awalan penyakit yang berisiko untuk diberikan intervensi dan mengawal pemakanan yang menjadi punca utama dalam akar pertumbuhan sesuatu penyakit.
- ✓ Peserta dapat berkongsi pengalaman dan menambah kenalan bersama Penceramah
- ✓ Segala persoalan yang diajukan telah berjaya dijawab.
- ✓ Hubungan di antara JPPM Perlis dan jabatan-jabatan di Kompleks KDN Negeri Perlis dapat dieratkan.
- ✓ Mendapat komen dan cadangan yang positif daripada wakil peserta.
- ✓ Peserta telah memberi penilaian yang positif terhadap Penceramah.

LAPORAN TAKLIMAT PELAKSANAAN SUDUT KESIHATAN DI JPPM PERLIS TAHUN 2018

7.0 GAMBAR SEKITAR PERJALANAN MAJLIS DAN TAKLIMAT PESERTA YANG HADIR



LAPORAN TAKLIMAT PELAKSANAAN SUDUT KESIHATAN DI JPPM PERLIS TAHUN 2018



LAPORAN TAKLIMAT PELAKSANAAN SUDUT KESIHATAN DI JPPM PERLIS TAHUN 2018



Disediakan oleh :

Siti Noor Ashieka Binti Hamat

Setiausaha

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Negeri Perlis

07 MAC 2017